

25 MAR 2004

Koh - Pelaburan

PELABUR ASING TERUS YAKIN BERIKUTAN KEMENANGAN BESAR BN - KOH

PULAU PINANG, 25 Mac (Bernama) -- Lebih ramai pelabur asing menyatakan hasrat melabur di negeri ini, sementara yang sedia melabur akan menambah pelaburan setelah menyaksikan kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum ke-11 Ahad lalu.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata kemenangan besar itu menjadi penggalak terbesar menarik pelabur asing ke negara ini, khususnya Pulau Pinang.

"Maklumbalas dari pelabur menunjukkan mereka yakin dengan kemenangan besar ini yang menunjukkan sokongan kuat rakyat kepada BN dan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengangkat sumpah jawatan dan menerima wafiah perlantikan sebagai Ketua Menteri di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas di kediaman rasmi Yang Dipertua Negeri di sini hari ini.

Koh yang dilantik sebagai Ketua Menteri untuk penggal keempat berkata, beliau telah bertemu pelabur dan menghantar mesej kepada pelabur di luar negara sehari selepas kemenangan BN pada pilihan raya umum baru lalu, bahawa Malaysia adalah destinasi terpilih untuk pelaburan mereka.

Pada pilihan raya ini, BN memenangi 38 daripada 40 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan lapan daripada 13 kerusi Parlimen di Pulau Pinang.

Koh berkata, hasil pertemuannya dengan pelabur secara dirancang di pejabatnya atau tidak dirancang seperti di lapangan terbang, mereka melahirkan keyakinan bahawa Malaysia akan terus aman dan stabil serta sesuai untuk menerima lebih banyak pelaburan.

"Berbanding dengan negara lain, Malaysia telah membuktikan bahawa ia sebuah negara yang stabil dan aman serta melalui proses peralihan kuasa daripada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Abdullah

secara lancar. Kepimpinan Abdullah juga memastikan kesinambungan pembangunan sebelumnya," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan meneruskan polisi pelaburan dan menambah lagi kemajuan yang telah diasaskan oleh Dr Mahathir sejak lebih 20 tahun lalu.

Sambil mengucapkan syukur dan terima kasih kepada sokongan padu rakyat, beliau berikrar bahawa kerajaan negeri yang akan ditubuhkan kelak akan mengamalkan perkongsian pintar bersama-sama rakyat serta berpandukan kepada manifesto BN untuk menjadikan negara "Cemerlang, Gemilang dan Terbilang".

"Mandat yang besar ini akan memberi dorongan kepada kami untuk bekerja lebih kuat dan berdasarkan kepada konsep perkongsian pintar dengan rakyat.

Mengenai perlantikan Anggota Exco Kerajaan Negeri, Koh berkata, perlantikan akan dibuat beberapa hari lagi dan akan terdapat beberapa muka baru.

Katanya, Ketua Menteri akan mempertimbangkan perlantikan Exco untuk dikemukakan kepada pucuk pimpinan BN dan diperakukan kepada Yang Dipertua Negeri.

Mengenai jawatan Timbalan Ketua Menteri yang dikosongkan oleh Datuk Dr Hilmi Yahaya yang berpindah ke Parlimen Balik Pulau, beliau berkata, calon bagi jawatan itu akan dipertimbangkan selepas perlantikan Anggota Exco kelak.

Katanya, pengagihan jawatan Anggota Exco dikekalkan kepada formula 4:3:2:1 iaitu empat untuk Umno, tiga Gerakan, dua MCA dan satu MIC.

-- BERNAMA

SA RS